

# Gaji pekerja Malaysia masih rendah - PM

Ulu - 26/7/2022 ml: 4

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kecewa kerana gaji yang ditawarkan majikan di negara ketika ini tidak setimpal dengan kelayakan dan kerja yang dilakukan oleh anak-anak tempatan.

Katanya, berdasarkan statistik portal cari kerja, MyFutureJobs yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia lingkungan gaji bagi kekosongan jawatan yang paling banyak ditawarkan di seluruh negara adalah RM1,200 hingga RM2,000 setakat Julai lalu.

Katanya, perkara itu adalah sesuatu yang mengecewakan sedangkan kerajaan kini giat membangunkan pekerja berkemahiran yang produktif dan berpotensi tinggi.

“Saya ingin mengingatkan majikan bahawa mulai 1 Mei lepas, gaji minimum seseorang pekerja ialah RM1,500 bagi ke-selesaian hidup Keluarga Malaysia.”

“Sehubungan itu, saya meminta semua pihak majikan



**ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) melakukan gimik perasmian Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

mengambil serius mengenai perkara ini kerana pekerja merupakan tunjang utama dalam mana-mana organisasi,” ka-

tanya ketika merasmikan Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di ibu negara.

Jelasnya, bagi menangani

ketidakpadanan gaji dengan pekerjaan ketika ini, Kementerian Sumber Manusia digesa berunding dengan pihak majik-

an dan wakil-wakil pekerja bagi mengenal pasti pendekatan dan solusi terbaik kepada masalah tersebut.

“Malah, melalui platform rundingan tiga pihak, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan boleh dimanfaatkan untuk melaksanakan konsultasi tiga penju-ru bagi mencapai kata sepakat demi kesejahteraan rakyat.

“Oleh itu, saya menyeru kepada majikan termasuk agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta supaya menyediakan peluang kerja dan insentif terbaik untuk pencari kerja,” katanya.

Selain itu, Ismail Sabri menyifatkan, sebuah data pekerja kebangsaan perlu dibangunkan bagi merapatkan jurang penawaran dengan permintaan pekerjaan oleh majikan dan pekerja.

“Justeru, saya menyeru kepada seluruh rakyat supaya merebut segala inisiatif dan insentif yang ditawarkan bukan sahaja untuk menambah baik kehidupan tetapi juga berganding bahu bagi memulihkan semula ekonomi negara,” katanya.